

Headline	Pemaju projek curi air		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 May 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	38	ArticleSize	231 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 3,940
Journalist	HIDAYAH HAIROM	PR Value	RM 11,820
Frequency	Daily		



Pemaju projek curi air

Aktiviti haram itu terbongkar selepas penduduk alami gangguan tekanan air rendah

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - buat selepas menerima aduan tekanan air rendah yang dialami penduduk sekitar Taman Sri Rampai, Setapak di sini, sejak dua minggu lalu, membawa kepada pembongkaran kes kecurian bekalan air oleh sebuah syarikat pemaju pangaspuri di kawasan tersebut.

Tindakan tidak bertanggungjawab itu dikesan menerusi operasi dijalankan Syabas bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di sini, kelmarin.

Ketua Komunikasi Korporat Syabas, Amin Lin Abdullah berkata, pemaju berkenaan didapati membuat penyambungan haram sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, siasatan di-

Masalah tekanan air rendah yang dialami penduduk sekitar Taman Sri Rampai, Setapak di sini, sejak dua minggu lalu, membawa kepada pembongkaran kes kecurian bekalan air oleh sebuah syarikat pemaju pangaspuri di kawasan tersebut.

"Hasil siasatan juga mendapati, terdapat dua sambungan bekalan air dipasang berdekatan tapak pembinaan di situ, dengan

satu daripadanya tidak melewati meter seperti ditetapkan. Tindakan itu menyebabkan kerugian kira-kira RM44,000 kepada Syabas.

"Ujian klorin juga mendapati bekalan air yang dicuri adalah air terawat milik Syabas dan sehingga kini sebanyak 16,189 meter padu digunakan untuk kegunaan pembinaan serta rumah kongsi buruh binaan di sini," katanya ketika operasi berkenaan.

Susulan operasi itu, satu notis Pemberitahuan Kesalahan dan Tindakan Penguatuasaan oleh Syabas diserahkan kepada pemilik syarikat kontraktor berkenaan untuk menuntut ganti rugi penggunaan bekalan air tidak sah dan tidak berhasil.

Sementara itu, Eksekutif Kanan Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Loh Pit Mui berkata, tindakan undang-undang juga bakal diambil terhadap syarikat pemaju tersebut.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) memperuntukkan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya," katanya.



Pit Mui (kiri) menunjukkan lokasi penyambungan haram yang dibuat pemaju projek.



27 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 39 • Printed Size: 49.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 482.00
PR value: MYR 1,446.00 • Item ID: MY0026125620

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Kerajaan negeri amal keterbukaan

SHAH ALAM - "Sama ada kerajaan negeri akan buat siasatan dalaman atau tidak, ia akan dibincangkan nanti," demikian kata Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Beliau mengulas dakwaan Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli mengenai berlaku sogokan dan habuan wanita dalam pentadbiran kerajaan negeri sebelum ini masih

belum diketahui sama ada ia benar-benar berlaku atau tidak.

"Secara peribadi, saya belum pernah dengar lagi dakwaan sedemikian. Yang pasti, kerajaan negeri mengamalkan keterbukaan yang telus dalam pentadbiran.

"Malah jika benar Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM) mahu buat siasatan, kami terbuka untuk itu," katanya.



27 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: NORAZIHAN MD GHAZALI • Section: Nasional • Page: 39
Printed Size: 263.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 4,486.00 • PR value: MYR 13,458.00 • Item ID: MY0026125619

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssg.sarawak.gov.my



Page 1 of 1

Waspadai amil tanpa tauliah

Individu kutip zakat tanpa kebenaran Mais akan didakwa



Sebahagian asnaf yang menerima bantuan Ramadan dan hari raya LZS, semalam.
Foto : AFIQ RAZALI

■ NORAZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM – Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengingatkan orang ramai agar berhati-hati dengan individu atau pertubuhan yang menjalankan aktiviti kutipan zakat di negeri ini tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin Mohd Ali berkata, peringatan itu penting agar orang ramai tidak terpedaya dengan mereka yang membuat kutipan tanpa tauliah.

"Mana-mana individu atau pertubuhan yang didapati melakukan kesalahan tersebut, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah Negeri 1995 yang menetapkan pesalah yang memungut zakat secara tidak sah boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Oleh itu, orang ramai diingatkan agar melaporkan sebarang aktiviti pungutan zakat oleh individu yang tidak dilantik atau diberi kuasa oleh Mais atau Zakat Selangor dengan segera kepada pihak berkuasa," katanya selepas majlis serahan bantuan Ramadan dan hari raya bagi asnaf fakir dan miskin bagi daerah Klang di Masjid Bandar Diraja Klang, di sini semalam.

Menurutnya, bagi mengelak masalah itu terus berlaku, Mais melantik LZS sebagai amil dan pentadbir bagi menguruskan semua perkara berkaitan kutipan dan agihan zakat di Selangor berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Selangor) 2012.

"Untuk memudahkan penyelaras aktiviti kutipan dan agihan zakat, LZS melantik 13 penolong amil institusi pengajian tinggi, 2,569 penolong amil fitrah, enam penolong amil institusi pendidikan Islam, 63

penolong amil padi, 16 ejen syarikat, 30 ejen firma dan percuaian, 19 ejen bank dan pejabat pos.

"Orang ramai boleh mengenal pasti penolong amil fitrah dan padi melalui surat pelantikan dan kad tauliah sah yang dikeluarkan Zakat Selangor," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, Klang adalah daerah kedua selepas Petaling yang merekodkan penerima tertinggi bagi bantuan Ramadan dan hari raya tahun ini iaitu seramai 6,416 keluarga membabitkan peruntukan agihan zakat berjumlah RM4,785,530.

"Daripada jumlah itu, seramai 794 penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin diberikan bantuan hari ini (semalam) melibatkan peruntukan sebanyak RM563,750.

"Majlis penyerahan kali ini adalah siri pertama di daerah ini diikuti dengan satu lagi siri pada 31 Mei ini," katanya.



27 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 289.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,929.67
PR value: MYR 14,789.01 • Item ID: MY0026125622

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Elak terima maklumat palsu

Ketua kampung disaran bantu LZS pilih pemohon zakat yang benar-benar layak

BANTING- Ketua kampung digesa membuat saringan terhadap pemohon bantuan zakat bagi mengelakkan maklumat palsu diterima.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, ia penting bagi memudahkan amil Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan amil dalam kalangan nazir masjid membuat saringan.

Menurutnya, kebertanggungjawaban penting dalam mengagihkan bantuan kepada golongan sasar dan bukannya mereka yang memberi maklumat palsu.

"Ketua kampung adalah kumpulan yang boleh diberikan tanggungjawab membuat tapisan terbaik dan bukannya memilih kroni sebagai penenerima zakat.

"Saya tak nak maklumat palsu menjadi budaya pemohon supaya senang menerima bantuan," katanya sempena Program Bantuan Ramadan dan Aidilfitri 2016

Daerah Kuala Langat di Masjid Al-Taqwa Banting.

Beliau berkata, penggunaan masjid disokong sebagai lokasi tapisan mendapatkan maklumat yang sahih dan tidak diragui.

Katanya, LZS mempunyai sistem yang baik namun sesuatu yang memalukan sekiranya ada sikap ketidakbertanggungjawaban atau penyalahgunaan kuasa.

"Kita tak nak unsur penipuan dalam masyarakat menyebabkan mereka yang benar-benar layak tak dapat faedah.

"Sebab itulah, kita guna masjid untuk menyalurkan maklumat selain ketua kampung menjadi perantara memastikan pemohon benar-benar layak," katanya.

Sementara itu, Pengurus Sektor Pengurusan LZS Daerah Kuala Langat, Zaidi

Rashid berkata, seramai 3,696 penerima fakir dan miskin di daerah ini menerima perturutan keseluruhan sebanyak RM2,753,570.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 484 pe-

nerima dengan agihan zakat RM352,870 diserahkan pada majlis berkenaan.

"Bantuan ini sebenarnya menampung belanja penerima bukannya mencukupkan, kerana kita ke arah menampung perbelanjaan keluarga yang memerlukan.

"Namun, penerima perlu memanfaatkan bantuan yang ada dengan baik dan tidak membazir," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengakui terdapat pemohon memberi maklumat palsu setelah membuat rundingan dengan tuan rumah mengenai kadar sewa rumah mereka.

Katanya, tindakan itu menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab pemohon.

"Pemohon perlu ikhlas dan tidak meranipulasikan fakta mereka kerana ia hanya memberi masalah kepada penerima yang benar-benar layak.

"Dalam aspek perubatan pula, pemohon perlu ada pengesahan doktor dan bukan sewenang-wenangnya memberi maklumat palsu mengenai sesuatu penyakit," katanya.



Ahmad Yunus (tengah) ketika menyampaikan bantuan zakat kepada penerima.



27 May 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 11 • Printed Size: 382.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 5,023.00
PR value: MYR 15,069.00 • Item ID: MY0026125986

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Adegan politik PRK

PILIHAN RAYA Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun ini bertujuan mencari pengganti wakil rakyat bagi membolehkan segala perancangan pembangunan dan kesejahteraan rakyat dapat diteruskan.

PRK ini juga bagi memastikan rakyat di kedua-dua kawasan tersebut mendapat seorang Ahli Parlimen baharu yang akan membawa suara mereka ke peringkat Pusat. Oleh itu mana-mana parti atau ahli politik tidak harus menjadikannya medan untuk tujuan lain, melainkan demi kepentingan rakyat di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun dalam tempoh beberapa hari ini kita menyaksikan ada sesetengah parti dan ahli politik yang seolah-olah tidak mempertimbangkan faktor itu. Sebaliknya apa yang kita lihat mereka mahu menggunakan PRK berkenaan tempat melunaskan agenda peribadi atau parti masing-masing.

Sempena pengumuman calon oleh parti-parti politik yang akan bertanding pada kedua-dua PRK itu hari ini, berikut penulis paparkan antara beberapa adegan politik yang berlaku sebaik sahaja kerusi Parlimen Kuala Kang-

sar dan Sungai Besar diisyiharkan kosong berikut kematian Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Allahyarham Datuk Noriah Kasnon;

● Melobi menjadi calon - terdapat ahli politik yang begitu ghairah mahu menjadi calon khususnya untuk Barisan Nasional (BN). Walaupun ada antara mereka sudah bertaraf 'kitar semula' dan pernah berpenggal-penggal menjadi YB, namun tetap ada hati mahu menjadi calon sekali lagi.

Pelbagai usaha mereka lakukan termasuk secara tiba-tiba rajin pula turun padang bertemu rakyat dan berkunjung ke masjid-masjid untuk beramah mesra dengan jemaah. Satu lagi pendekatan lobi dilakukan adalah mengharapkan simpati sedangkan sudah terbukti dalam beberapa PRK sebelum ini tidak akan membawa hasil.

Tidak cukup dengan itu, dalam usaha menjadi calon juga, ada individu yang sanggup bertelagah sesama sendiri dan memburuk-burukkan kawan, walaupun suatu ketika mereka pernah 'sekalap' bagi memenangkan parti.

Penulis diberitahu bagaimana ada individu yang terlalu berhajat mahu menjadi calon bercadang melakukan tindakan mensabotaj parti jika dia tidak terpilih. Ini termasuklah mahu menghasut pengundi-pengundi supaya tidak menyokong BN.

● Medan uji siapa kuat - Ketika ini berlaku perbahan politik antara pakatan pembangkang dengan Pas.

Perembungan paling ketara ialah apabila Pas enggan berunding dengan pakatan tersebut manakala PAN pula berhasrat meletakkan calon.

Dalam masa yang sama di Sungai Besar, penulis diberitahu oleh satu sumber dalaman bahawa PKR benar-benar berhasrat untuk bertanding di kawasan tersebut. Disebabkan hasrat itulah wujudnya tekanan terhadap tiga exco Pas dalam kerajaan negeri Selangor supaya mereka memastikan Pas tidak bertanding.

Bagaimanapun tekanan itu yang turut dilakukan oleh DAP selaku sekutu terkuat PKR ternyata tidak mengugat ketegasan Pas untuk bertanding di kedua-dua kawasan berkenaan.

Melihat keadaan itu, rakan baik PKR dan DAP, PAN yang diuar-uarkan akan meletakkan Presidennya Mohamad Sabu bertanding di Sungai Besar 'tumpang semanguk' untuk menyerang Pas. Mereka menyatakan tidak gentar dengan jentera Pas.

Kenyataan itu agak melucukan kerana semua wakil rakyat PAN berasal daripada Pas dan mereka menang dalam pilihan raya lalu atas tiket Pas serta melalui kekuatan jentera Pas. Kalau benar PAN begitu yakin bahawa mereka ada kekuatan sendiri sepatutnya semua wakil rakyat mereka meletakkan jawatan dan menyerahkan kembali mandat kepada rakyat.

Tetapi PAN tidak berbuat demikian sebaliknya berharap untuk menjadikan Presiden mereka sebagai Ahli Parlimen sekali lagi. Kalau menjadi kenyataan, ini bermakna Selangor negeri kelima yang Presiden mereka itu bertanding selepas Kelantan, Kedah, Terengganu dan Pulau Pinang.

Bagi Pas pula, PRK kali ini sudah tentulah akan menjadi medan terbaik untuk membuktikan bahawa mereka 'boleh hidup' tanpa pakatan pembangkang. Justeru pemimpin-pemimpin Pas melihat kehadiran PAN bersama Mohamad Sabu tidak akan menjadi 'kudis gatal' kepada parti itu.

● Melaksanakan agenda politik peribadi - salah satu cabaran untuk BN ialah bagaimana ada dalam kalangan pemimpin parti itu akan menjadikan kedua-dua PRK tersebut sebagai medan melunaskan agenda politik peribadi.

Individu berkenaan tidak memikirkan betapa pentingnya BN mengkekalkan kerusi berkenaan sebaliknya mahu melihat parti itu kecundang kerana pertelingahan politik dengan pucuk pimpinan parti.

Itulah antara adegan politik yang telah dan akan berlaku melibatkan kedua-dua PRK tersebut. Bagaimanapun BN tidak perlu bimbang, sebaliknya membuat persediaan untuk menghadapi cabaran sama ada dari dalam atau luar parti.

Namun begitu cabaran lebih getir adalah dalam parti khususnya melibatkan individu yang tidak berpuas hati kerana tidak terpilih sebagai calon. Walaupun sebahagian mereka begitu beria-ia berjanji akan menyokong sesiapa sahaja yang dipilih oleh parti, tetapi beberapa PRK sebelum ini membuktikan acap kali, 'di mulut lain, di hati lain'.

Pengumuman calon hari ini adalah sebagai pembuka gelanggang sebelum penamaan calon pada 5 Jun ini diikuti hari pengundian pada 18 Jun. Apa juga adegan politik yang berlaku sepatutnya tidak mengganggu agenda BN untuk mempertahankan kedua-dua kerusi berkenaan demi meneruskan perjuangan bagi membela nasib rakyat.



27 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 11 • Printed Size: 382.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 5,023.00
PR value: MYR 15,069.00 • Item ID: MY0026125986

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@nsgov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



PRK ini juga bagi
memastikan rakyat di
kedua-dua kawasan

tersebut mendapat
seorang Ahli Parlimen
baharu yang akan
membawa suara mereka

ke peringkat Pusat. Oleh medan untuk tujuan
itu mana-mana parti
atau ahli politik tidak
harus menjadikannya

lain, melainkan demi
kepentingan rakyat di
kawasan berkenaan."



27 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 13 • Printed Size: 198.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 2,580.00
PR value: MYR 7,740.00 • Item ID: MY0026125993

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Husam beri kata dua kepada Pas


KOTA BHARU 26 Mei - Bekas Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa meminta parti itu menarik diri daripada bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak jika enggan berunding dengan parti pembangkang yang lain.

Menurut Husam, kedegilan Pas yang enggan berunding sehingga sanggup berdepan persaingan tiga penjuru dalam kedua-dua PRK tersebut boleh menyebabkan parti itu kalah teruk termasuk mendapat undi lebih rendah daripada satu lagi parti yang tewas.

"Dalam kedua-dua PRK ini, kita kena lihat dengan teliti parti mana yang ada daya menang lebih. Kalau bukan Melayu tidak sokong Pas, kecil hati dengan Pas, bermakna mula-mula lagi Pas sudah hilang daya menang. Lebih baik Pas tidak letak calon.

"Kalau berlaku tiga penjuru, Pas mesti dapat undi lebih daripada parti satu lagi. Jika ditakdirkan Pas dapat kurang undi, imej Pas akan rosak untuk tempoh yang sangat lama.

"Sama ada Pas berunding



Sama ada Pas berunding dengan parti-parti lain supaya berlaku satu lawan satu atau Pas tarik diri supaya tidak nampak teruk di mata rakyat."

HUSAM MUSA
Bekas Naib Presiden Pas

dengan parti-parti lain supaya berlaku satu lawan satu atau Pas

tarik diri supaya tidak nampak teruk di mata rakyat," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Husam memberitahu, beliau telah mengirim sepucuk surat kepada Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang meminta supaya pemecatannya daripada parti itu ditarik balik dengan alasan keputusan dibuat tidak mengikut perlembagaan parti.

"Saya berharap Presiden mempertimbangkan perkara ini sebelum muktamar supaya saya boleh hadir sebagai Yang Dipertua Pas Kawasan Kubang Kerian dan berpeluang membahaskan ucapan dasar dan mempersoalkan beberapa tindakan pemimpin parti sejak kebelakangan ini," katanya.

Husam berkata, jika permohonannya ditolak, beliau masih berminat untuk hadir ke muktamar sebagai pemerhati.

Beliau dalam pada itu turut memberitahu bahawa sedang mempertimbangkan untuk mengheret beberapa individu dalam Pas ke mahkamah kerana memfitnahnya sehingga dipecat daripada parti.



27 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 13 • Printed Size: 147.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,915.45
PR value: MYR 5,746.35 • Item ID: MY0026125994

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssn.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

BN miliki kelebihan di Sungai Besar - Ahmad Yunus

SHAH ALAM 26 Mei - Pas Selangor mengakui Barisan Nasional (BN) mempunyai kelebihan serta peluang yang cerah untuk menangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar yang dijadualkan berlangsung pada 18 Jun ini jika berlaku pertandingan tiga penjuru.

Timbalan Pesuruhjayaanya, Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi berkata, pertandingan tiga penjuru dalam PRK Parlimen berkenaan yang sedikit sebanyak boleh menjaskan undi yang bakal diperoleh Pas.

"Jika pertandingan satu lawan satu (di antara calon Pas dengan BN), peluang kita lebih baik. Sekiranya pertandingan melibatkan

tiga penjuru, peluang BN juga dilihat baik," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Muzakarah Pendafтар Perkahwinan Negeri Selangor 2016 di sini hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Si-jangkang itu mengulas mengenai peluang Pas dalam PRK Parlimen Sungai Besar yang akan diadakan setelah penyandangnya, Datuk Noriah Kasnon terkorban dalam nahtas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lalu.

Bagaimanapun, sebelum penamaan calon PRK Parlimen itu diadakan pada 5 Jun ini, parti-parti pembangkang berhadapan dengan kemelut berhubung soal penentuan calon apabila Pas menutup pintu rundingannya den-

gan PKR, DAP dan PAN mengenai perkara itu.

Malah, PAN sebelum ini dikatakan turut berhasrat meletakkan calon mereka yang mana Presiden parti itu, Mohamad Sabu dilapor antara individu yang disenaraikan untuk bertanding dalam PRK Parlimen berkenaan.

Dalam pada itu, ketika ditanya kemungkinan ada pihak yang tidak berpuas hati dengan Pas akan menggunakan isu hudud untuk menggagalkan peluang parti itu dalam PRK Parlimen berkenaan, beliau berharap keadaan itu tidak berlaku.

"Kita akan gunakan pendekatan menerangkan kepada rakyat mengenai khidmat dan tanggungjawab kita dalam kerajaan negeri. Saya ingat dan harap tidak akan ada perkara itu (gunakan isu hudud untuk pengaruhi para pengundi bukan Islam supaya menolak calon Pas)," ujarnya.



AHMAD YUNUS HAIRI

Headline	Pas beri amaran bertindak balas terhadap pakatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,842
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,527



Pas beri amaran bertindak balas terhadap pakatan

KUALA LUMPUR 26 Mei - Pas memberi amaran yang parti itu akan bertindak balas jika mana-mana parti dalam pakatan pembangkang cuba ‘kacau daun’ dengan bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Naib Presidennya, Idris Ahmad berkata, kedua-dua kerusi Parlimen tersebut secara tradisinya ditandingi Pas sejak sekian lama dan tidak sepatutnya berbangkit soal pakatan turut muhu bertanding.

“Itu kawasan kita, kita bertanding dan kita tak kacau orang tapi kalau kau orang (pakatan pembangkang) kacau, kita makan orang,” katanya ketika berceramah di Taman Melewar di sini malam tadi.

Pas dan pakatan pembang-

kang gagal mencapai kata sepakat mengenai parti mana yang patut masuk gelanggang di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.


Sementara itu, Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan Pas, Dr. Mohd. Zuhdi Marzuki pula menepak Presiden PAN, Mohammad Sabu, yang mendakwa parti itu yakin menang jika bertanding di Sungai Besar.

Dalam nada menyindir, Mohd. Zuhdi berkata, beliau cukup mengenali bekas Timbalan Presiden Pas itu yang didakwanya suka bercakap sesuatu yang tidak berpijak di alam nyata.


“Saya kenal lama abang Mat (Mohamad) ini. Pernah di London, ketika berucap di hadapan pelajar kita, dia dengan nada yang cukup yakin menga-

takan pembangkang akan memerintah pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

“Bila saya tanya abang Mat ambil angka mana, dia kata kita kena cakap depan rakyat macam itu, belakang rakyat itu soal lain. Jadi kita boleh nilailah macam mana orangnya abang Mat ini,” katanya.



MOHD. ZUHDI MARZUKI



IDRIS AHMAD



27 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 24 • Printed Size: 84.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,660.20
PR value: MYR 4,980.60 • Item ID: MY0026126263

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

ADUAN

■ JALAN baharu sahaja siap tetapi perkhidmatan bas ke Kampung Pagar Sasak di Kuala Lipis Pahang pula ditamatkan. Mohon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku buat sesuatu.

017-344XXXX

■ MINTA pengurusan hak milik strata dan pesuruhjaya bangunan (COB) tinjau kerja-kerja penyelenggaraan di flat PPA16 dan flat Seksyen 24, Shah Alam Selangor. Di sini ada 18 badan pengurusan bersama (JMB) tetapi mereka tak buat apa sehingga kawasan di flat-flat itu teruk tanpa perhatian.

ROSLAND

■ LATA Kubu di Batu 19, Kampung Kuala Dal, Padang Rengas, Perak amat menarik kerana mempunyai air terjun dan kolam semula jadi untuk mandi-manda. Malangnya tempat letak kenderaan sangat terhad.

CILIAPI

■ MASJID Asy-Syakirin di KLCC dicemari dengan pengemis-pengemis yang datang bersilih ganti terutama pada hari Jumaat. Harap pihak DBKL dan pihak berkenaan turun padang memantau dan menahan pengemis terbabit.

TERIMA KASIH

■ PIHAK Majlis Perbandaran Taiping perlu pantau dan lihat sendiri keadaan rumput yang telah dipotong. Potong serupa tak potong. Tamatkan kontrak pihak yang sekadar buat kerja ala kadar.

SAKIT



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: NYZA AYOB • Section: General News • Page: N3 • Printed Size: 313.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,570.21
PR value: MYR 7,710.63 • Item ID: MY0026118271

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Amaran TG Abdul Hadi disokong semua pimpinan PAS

Oleh NYZA AYOB

KUALA LUMPUR: Amaran Presiden PAS supaya mana-mana pihak tidak mencabar PAS untuk tidak bertanding pada kedua-dua Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar disokong penuh kepimpinan PAS yang lain.

Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Dr Ridhuan Mohd Nor berkata, sebarang tindakan untuk meletakkan calon sehingga berlaku pertandingan tiga penjuru telah memberi ruang nafas atau tongkat kepada Umno-BN.

Menurut beliau, semua parti oposisi harus ingat bagaimana bekas pengurus DAP, Mendiang Karpal Singh dalam Konvensyen Pertama Pakatan Rakyat pada 2001 mengatakan PAS parti yang paling berdisiplin, paling kuat dan mempunyai jentera pilihan raya yang kuat berbanding parti oposisi yang lain.

Katanya, PAS juga menunjukkan potensi cerah untuk memenangi kerusi kedua-dua Parlimen itu kerana mempunyai kekuatan lain termasuk cawangan yang kuat di kawasan berkenaan.

"PAS insya-Allah meletakkan calon yang paling kompeten, berkarisma dan mempunyai sejarah perjuangan dan jaringan 'kaum keluarga' yang besar di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

"Sebagaimana yang disebut Tuan Guru Abdul Hadi, pilihan raya itu sangat signifikan bagi PAS

menunjukkan seluruh kekuatan dan jentera PAS akan 'disengarkan' sebagai persiapan ke arah Pilihan Raya Umum ke-14," katanya kepada *Harakah*, 22 Mei lalu.

Tegasnya lagi, PRK di kedua-dua Parlimen tersebut akan menjadi parimeter atau mercu tanda PAS mempunyai dokongan dan kekuatan daripada rakyat, walaupun PAS cuba diketepikan dalam barisan pembangkang di negara ini.

"Dengan dasar dan prinsip yang dipegang PAS, saya yakin dan percaya PAS akan disokong masyarakat Islam dan bukan Islam," katanya.

Beliau juga yakin pilihan raya kecil yang berlangsung pada bulan Ramadan, akan menambahkan lagi semangat juang ahli-ahli dan jentera pilihan raya PAS bagi memastikan kemenangan PAS di kedua-dua kerusi parlimen berkenaan.

"Insya-Allah kita yakin dan percaya pertembungan pilihan raya kecil pada bulan Ramadan, merupakan bulan Jihad yang banyak siri-siri kemenangan kepada pejuang-pejuang Islam di sepanjang zaman.

"Di bulan Ramadan berlaku peristiwa pembukaan kota Mekah, berlaku Perang Badar pada 17 Ramadan tahun dua hijrah. Bulan Ramadan juga menyaksikan operasi peperangan Tabuk, bulan Ramadan juga menyaksikan

panglima Islam, Thoriq bin Ziyad berjaya menawan Sepanyol," katanya.

Tambahnya lagi, dapat disaksikan bagaimana perang Ramadan pada 1973 dimenangi negara Mesir yang berdepan dengan Israel untuk mengambil semula Sinai yang dijajah pada 1967.

Pada 22 Mei lalu, sewaktu menyampaikan ucapan pada Seminar Khas Penerangan PAS Pusat,

Tuan Guru Abdul Hadi mempertegasikan, PAS menutup pintu rundingan berkaitan dua pilihan raya kecil yang akan berlangsung 18 Jun ini.

Beliau berkata, PAS tidak kisah siapa yang mahu bertanding dan jangan sesekali mencabar atau mengugut PAS untuk tidak menyertai pilihan raya kecil berkenaan.

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (PAN), Khalid Abdul Samad baru-baru ini berkata parti tersebut akan bertanding pada Pilihan Raya Kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar selepas rundingan Pakatan Harapan (PH) yang diketuai beberapa pemimpin KeADILan gagal menemui penyelesaian dengan PAS.

Kerusi Parlimen Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak kosong berikutnya dua penyandangnya, Dato' Noriah Kasnon dan Dato' Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad terkorban dalam naas helikopter di Sebuya, Sarawak pada 5 Mei lalu.



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: NYZA AYOB • Section: General News • Page: N3 • Printed Size: 313.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,570.21
PR value: MYR 7,710.63 • Item ID: MY0026118271

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Dr Ridhuan Mohd Nor

jukkan potensi cerah untuk



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: h MUHAMMAD ARIF ISMAIL • Section: General News • Page: N3
Printed Size: 224.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 1,868.00 • PR value: MYR 5,604.00 • Item ID: MY0026118274

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 1

Penegasan TG Abdul Hadi disokong Pemuda Selangor

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KUALA LUMPUR: Dewan Pemuda PAS Selangor berdiri teguh di belakang Presiden PAS berhubung penyertaan parti itu dalam pilihan raya kecil di Parlimen Sungai Besar.

Timbalan Ketuanya, Hanafi Zulkapli menegaskan pihaknya tetap bekerja dan berusaha bagi memberi kemenangan kepada PAS dalam pertandingan tersebut.

"Walaupun apa pun berlaku, kami tetap akan berusaha walaupun mungkin berlaku pertembungan lebih dari dua penjuru pada pilihan raya kecil ini.

"Penegasan Presiden kami untuk menutup pintu rundingan dengan mana-mana pihak dalam pilihanraya kali ini disahut dengan sepenuh jiwa," katanya ketika dihubungi *Harakah*, 24 Mei lalu.

Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang pada 22 Mei lalu lalu menegaskan PAS menutup pintu rundingan berkaitan parlimen berkenaan yang merupakan kerusi tradisinya.

Beliau bertegas supaya dua pilihanraya kecil itu akan disertai oleh PAS tidak kira siapa lawan PAS dan jangan cabar dan mengugut PAS agar tidak meletakkan calonnya di kedua-dua PRK tersebut.

Hanafi yang juga Ketua Pemuda PAS Kawasan Subang menambah, penegasan Tuan Guru Abdul Hadi



Hanafi Zulkapli

itu merupakan penghargaan kepada jentera PAS bagi berjuang memartabatkan Islam di negara ini.

Justeru itu, Pemuda PAS Selangor bersama Pemuda PAS Malaysia akan melancarkan Jentera Pemuda PAS secara rasmi pada 27 Mei ini di Sungai Besar.

Ia melibatkan 22 PAS Kawasan Selangor dengan bantuan lima Dewan Pemuda PAS dari negeri-negeri lain yang bakal disempurnakan oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM), Ustaz Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz.

"Saya juga menyeru seluruh pemuda dan anak muda Selangor untuk bersama kami bagi mem-

“Penegasan Presiden kami untuk menutup pintu rundingan dengan mana-mana pihak dalam pilihan raya kali ini disahut dengan sepenuh jiwa,” - HANAFI ZULKAPLI

buat perubahan dan memberi mesej kepada Barisan Nasional (BN).

“Rakyat sudah semakin bosan dengan gaya pemerintahan kerajaan yang dilihat terus menerus memberi tekanan kepada rakyat dengan kenaikan kos sara hidup,” kata Hanafi.

“PAS dalam Parlimen Sungai Besar mempunyai 40 buah cawangan yang akan menaungi 30 pusat mengundi di kawasan tersebut,” ujar beliau lagi.



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N28
Printed Size: 151.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 1,075.00 • PR value: MYR 3,225.00 • Item ID: MY0026118588

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@nsogov@gmail.com



Page 1 of 1

PAS jangan abai pengundi India

KETUA DHPP Selangor, Dato' K. Deepakaran berharap jentera PAS pilihan raya tidak mengabaikan pengundi dan masyarakat India kerana undi mereka boleh menentukan kemenangan PAS pada pilihan raya kecil 18 Jun nanti.

Menurut beliau, jentera PAS khususnya masyarakat Melayu perlu mempelajari dan mengetahui budaya orang India serta pantang larang yang boleh menimbulkan rasa

tidak puas hati.

"Jika PAS memberi tumpuan kepada pengundi India sebagaimana tumpuan kepada pengundi Melayu, saya pasti PAS sudah lama boleh menang pada pilihan raya," katanya.

Ketika memberi ucapan pada Ijtimak PAS Selangor beliau memberi jaminan, jentera DHPP Selangor akan turun berkempen meraih undi daripada masyarakat India dan juga Melayu/

"Kita ada peranan untuk menarik undi daripada orang Melayu. Orang Melayu kena fikir jika orang India boleh sokong PAS kenapa orang Melayu tidak boleh memberi sokongan kepada PAS," katanya.

Beliau yakin dengan kekuatan jentera PAS bersama DHPP serta calon yang terbaik PAS berpeluang cerah untuk menawan kerusi Parlimen Sungai Besar pada PRK nanti.



Walaupun duduk di luar dewan dengan cuaca panas namun TYDP dan Setiausaha PAS Pandan, Meor Rithuan (tengah) dan Abdul Malik (kanan) tidak berganjak mendengar amaran pimpinan PAS untuk berdepan dengan PRK Sungai Besar.



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N16
Printed Size: 286.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 2,004.75 • PR value: MYR 6,014.25 • Item ID: MY0026118341

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 1

Parti baharu juga rebut kerusi Melayu

BELUM pun usia mencelah setahun, parti baharu seumpama mahu menggapai pelangi. Parti Amanah Negara dilancar pada 16 September 2015.

Kronologinya bermula di muktamar PAS pada tanggal 4 Jun 2015. Selangor menjadi saksi segala kejadian politik dalaman PAS.

Ramai pemerhati politik berhujah ia berpangkal di Kuala Selangor. *Ore Kito* juga tidak dapat menolak hujah itu.

Seorang pegawai pencen mencelah, mungkin lebih menarik sekiranya parti baharu itu bukan bermula di sebalik tabir muktamar.

"Sebaliknya apa yang berlaku mereka menebus perasaan kecewa di muktamar meninggalkan gelanggang lama.

"Saya pun tidak faham. Hanya kerana dipinggirkan perwakilan terus membawa diri. Sedangkan sebelum ini bukan mereka tidak pernah tewas di gelanggang sama," bebelnya.

Selaras itu muncul 1,001 alasan. Mereka menyalahkan senarai nama yang dijaja kepada perwakilan oleh geng ustaz. Namun ada yang berhujah kaedah itu tidak lebih sebagai salah

satu taktikal.

Ore Kito tengok senarai nama calon yang bertanding sudah dijaja sejak 1990-an. Senarai nama calon *Ore Kito* pernah temui pada mesyuarat agung PAS di Pasir Puteh.

Ada kawan membisik pulak, bukan pentas muktamar, kudis dalaman PAS membiak. Katanya ketika hangat krisis kepimpinan KeADILan di Selangor ia berpangkal. Juga tidak ditolak kemungkinan lebih awal lagi.

Pada 25 September 2014 Naib Presiden KeADILan, Rafizi Ramli mengakui ketegangan hubungan PAS dengan parti itu dan DAP tidak mampu disembunyi-kannya lagi.

Langkah Kajang menyuburkan lagi hubungan yang sudah berkudis. Situasi itu juga disedari Istana Selangor. Pihak istana tanpa sembunyi menyebut toh-mahan berlaku terhadap Tan Sri Khalid Ibrahim.

Di tengah ribut itu muncul Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia (PasMa).

Ia diasas Adun Pengkalan Kundur Phahrolrazi Mohd Zawawi. PasMa dikatakan ditubuh untuk mengukuhkan kerjasama antara Pa-

katan Rakyat.

Hasratnya untuk menyelamatkan Pakatan dari pada berpecah. Sayangnya hasrat itu gagal. PasMa dicetus orang Kedah yang bermula di Kota Bharu.

Ore Kito difahamkan satu pertemuan sempena hari merdeka diadakan di sebuah perpustakaan di Kota Bharu. Diimpikan mereka untuk membawa perjuangan PAS atas landasan yang betul. Pelik dan aneh juga bunyinya.

Berikutnya kegagalan itu muncul pula istilah Gerakan Harapan Baru (GHB).

Sayugia GHB muncul, PasMa tiba-tiba hilang glamor.

GHB tidak meneruskan impian PasMa, sebaliknya mengganti PAS dalam Pakatan Harapan. GHB menjenamakan semula Parti Pekerja-Pekerja Malaysia ditubuhkan pada 1978.

Ganga Nayar merupakan wanita pertama yang mengetuai parti politik di Malaysia. Parti itu hanya menyertai pilihan raya umum 1978.

Hari ini Parti Pekerja-Pekerja Malaysia dijenamakan semula sebagai Parti Amanah Negara. Bukan lagi memperjuangkan hak pekerja. Sebaliknya men-

jadi galang ganti PAS dan impian muncul parti Islam kedua di Malaysia.

Pada PRU 2013 DAP sebagai 'abang sulung' PAN bertanding 51 kerusi dan menang di 38 kerusi parlimen daripadanya. Manakala PAS pula bertanding di 73 kerusi parlimen dan menang di 21 kerusi.

Berdasar kepada status quo itu PAS mungkin kekal bertapak di 73 kerusi parlimen yang dominan pengundi Melayu. Kerusi tersebut tidak berlaku pertembungan dengan DAP.

Ore Kito juga beranggapan tidak mungkin berlaku pertembungan antara PAS dan KeADILan, kalau sifar 2013 dan 2008 diambil kira.

KeADILan tentunya akan mempertahankan kerusi campuran. Isunya sekarang, di mana PAN mahu beraksi. Conggakan mudah PAN akan merebut kerusi PAS seperti diperlakukan di Sarawak baru-baru ini.

PAN telah menjelaki PAS di lima kerusi di Sarawak. Akhirnya BN yang menang. Resepi mudah bagi Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, Dato' Che Abdulrahman Mat Nawie, undi PAN bermakna memberi kemenangan untuk Umno-BN.

Ganga Nayar merupakan wanita pertama yang mengetuai parti politik di Malaysia. Parti itu hanya menyertai pilihan raya umum 1978.



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: Saidah Hairan • Section: General News • Page: N29 • Printed Size: 145.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,032.00
PR value: MYR 3,096.00 • Item ID: MY0026118645

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Jangan anggap PAS parti menumpang

Oleh SAIDAH HAIRAN

SUNGAI BESAR: PAS Selangor mesti membuktikan bahawa PAS mampu bergerak sendirian dengan kekuatan sedia ada dan bukan hanya menumpang parti lain untuk meraih kemenangan.

Najib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad menegaskan ada pihak yang mendakwa PAS menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 kerana bergabung dengan parti lain dalam Pakatan Rakyat.

Justeru kata beliau, pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar merupakan medan terbaik untuk membuktikan kekuatan PAS yang mampu bergerak sendirian tanpa sokongan parti-parti lain.

"Saya tegaskan PAS bukan parti menumpang. Kita (PAS) ada kekuatan. PAS bukan parti yang apabila hendak tendang, kita ditendang begitu juga apabila hendak pecat, kita dipecat," tegasnya ketika merasmikan Ijtimak PAS Selangor di Dewan Budiman, Sungai Besar.

Beliau yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor berkata, PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar amat penting bagi mencorak pandangan masyarakat terhadap PAS yang pertama kali bersendirian tanpa rakan-rakan daripada parti lain.

Katanya, untuk mencapai hasil tersebut seluruh ahli PAS mesti patuh dan walak dengan keputusan pimpinan atasan kerana mereka nampak dan berpandangan jauh kehadapan.

"Dengan kepatuhan terhadap pimpinan serta ukuhwah dalam ja-

maah, PAS tidak mampu dikalahkan daripada luar tetapi boleh kalah jika berlaku perpecahan dalam jamaah," tegasnya.

Beliau harap semua ahli PAS terus berpadu dengan sokongan akar umbi yang kukuh serta cawangan yang banyak akan menggerunkan parti lawan kerana kekuatan yang ada pada PAS itu tidak dimiliki oleh parti lain.

Katanya, selepas Pilihan Raya Ke-13 PAS Selangor berhadapan dengan pelbagai krisis selama tiga tahun berturut-turut ekoran timbulnya Kajang move.

"Saya yakin PAS sudah melalui satu demi satu krisis dan PAS upaya melalui apa sahaja cabaran selepas ini sebab itu PAS tegas dengan prinsipnya," tegas beliau.

Selaku exco kanan dalam kerajaan negeri Selangor beliau menegaskan bukan senang hendak ketepikan PAS dalam pentadbiran kerajaan kerana ia akan meninggalkan kesan terhadap rakyat.

Katanya, fokus PAS untuk menawan kerusi Parlimen Sungai Besar dan jentera PAS dari seluruh kawasan sudah bergerak begitu juga jentera dari negeri-negeri.

"Kami yakin PAS mempunyai peluang cerah pada PRK ini kerana terdapat pelbagai isu tempatan dan nasional akibat dari kebobrokan pentadbiran Umno-BN," katanya.

Beliau yakin jentera dan ahli-ahli PAS akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada PRK dan tidak melayan isu-isu yang bertujuan untuk mengganggu tumpuan PAS.



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N29
Printed Size: 411.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,428.00 • PR value: MYR 10,284.00 • Item ID: MY0026118646

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

Tekad PAS Selangor ‘Membujur lalu, melintang Patah’

SUNGAI BESAR: PAS Selangor berte-
gas tidak akan tunduk dengan seba-
rang ugutan memecat exco PAS dari-
pada pentadbiran kerajaan negeri
jika meneruskan pendirian bertan-
ding di Parlimen Sungai Besar.

Setiausaha Perhubungan PAS
Selangor, YB Mohd Khairuddin Oth-
man mengingatkan pihak berkenaan
supaya jangan menganggap PAS se-
bagai anak kecil kerana PAS meru-
pakan parti yang lama dan banyak
pengalaman.

Katanya, PAS telah banyak men-
empuh pelbagai krisis dan cabaran
antaranya berhadapan dengan peristiwa
Memali serta pernah ditendang
daripada kerajaan campuran bersama BN.

Menurut beliau, ketika kerajaan
Selangor menghadapi krisis Men-
teri Besar empat exco PAS telah me-

nyelamatkan kestabilan kerajaan
Pakatan rakyat ketika itu.

Walaupun tegasnya Presiden
DAP, Lim Kit Siang dan PKR mendesak
supaya exco PAS meletakkan
jawatan namun empat orang exco
PAS telah menyelamatkan kerajaan
Selangor daripada jatuh ke tangan
Umno.

“Parti yang menyelamatkan pen-
tadbiran kerajaan negeri Selangor ini
lah yang hendak ditendang keluar
daripada kerajaan negeri,” tegasnya
pada ucptama Ijtimak PAS Selan-
gor.

Beliau yang juga Adun Paya Ja-
ras mengingatkan semua parti su-
ppaya jangan terus mempelekeh PAS
kerana parti Melayu paling lama dan
banyak pengalaman yang tidak ada
pada parti-parti lain.

“Jangan anggap PAS parti kam-
pung dan jangan rasa PAS parti kecil.
Kita tengok siapa yang lebih cerdik
dalam berpolitik. Siapa hendak ugut
kita, hendak tendang kita, silakan.
Kita tidak takut hilang kerusi exco,”
tegasnya.

Menurutnya, walaupun PAS Se-
langor sering dilanda dengan pel-
bagai masalah namun ahli sentiasa
tenang dan mengikut arahan pimpin-
an dan perkara itu tidak ada dalam
parti lain.

Lebih 2,000 ahli PAS hadir de-
ngan memberikan komiten untuk
menjalankan kempen PKR Sungai
Besar. PAS Selangor mendapat sum-
bangan berjumlah RM17,743; 5 dinar;
7 dolar dan sebentuk cincin emas.
ARC Selangor turut memberi sum-
bangan kewangan.



27 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N29
Printed Size: 411.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,428.00 • PR value: MYR 10,284.00 • Item ID: MY0026118646

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar fokus untuk memanah warna oren ketika merasmikan Ijtimak PAS Selangor.



Lebih 200 orang ahli Kelab ARC Selangor menyokong penuh PAS meletakkan calon di PRK Sungai Besar.



Sudah tentu ada strategi sulit untuk mengalahkan Umno pada PRK nanti yang dibisikkan Pengarah Pilihan Raya PAS Selangor, Mohd Haslin Hassan kepada Iskandar.



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: WAN NORDIN WANYAACOB • Section: General News • Page: N31
Printed Size: 418.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,432.42 • PR value: MYR 10,297.26 • Item ID: MY0026118649

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahusayor@gmail.com



sientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Mahathir hanya mahu selamatkan BN

Oleh WAN NORDIN
WAN YAACOB

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad disifarkan hanya memperkuatkan Pakatan Harapan dengan 'gula-gula' politiknya melalui Deklarasi Rakyat tetapi masih enggan bersama blok pembangkang untuk menumbangkan BN secara total.

Menurut Naib Ketua Pemuda PAS Malaysia, Ir Khairil Nizam Khrudin, misi Dr Mahathir sudah diperlaskan iaitu, mempertahankan BN dan menolak Dato' Seri Najib Razak, bukan mengangkat Pakatan Harapan atau mana-mana blok pembangkang bagi mengalahkan BN.

"Ini politik apa sebenarnya? Menggunakan parti musuh ketatnya untuk 'membunuh' Najib seorang dengan harapan dia boleh kembali bertemu bersama BN selepas itu.

"Dan yang pasti, seandainya beliau berjaya turunkan Najib dan kembali bersama BN, Mahathir akan kembali menghentikan blok-blok pembangkang seperti sebelum ini," kata Ir Khairil Nizam kepada *Harakah* dalam satu ulasan pada 24 Mei lalu.

Menurut beliau, hikayat Mahathir keluar masuk Umno-BN bukan suatu yang



Ir Khairil Nizam Khrudin menegaskan agar semua pihak bersama PAS untuk fokus menumbangkan BN.

bahan.

Sebaliknya sejak zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kini zaman Najib jiwanya tetap bersama BN kerana legasinya di situ.

"Parti-parti pembangkang hanya menjadi 'badut sarkas' untuk memudahkan lajuannya kembali kepada BN," kata beliau sinikal.

Tiada kepentingan dengan PAS

Mahathir pula kata beliau tidak mempunyai kepentingan dalam PAS, jauh sekali untuk mengalas amanah untuk berkempen bagi pihak Pakatan Harapan.

Lihat sahaja apa yang beliau lakukan semasa pilihan



Bukan sahaja Najib jadi fokus PAS untuk ditumbangkan, sebaliknya Umno-BN itu harus ditumbangkan pada PRU14.

raya Sarawak kata Ir Khairil, Mahathir duduk dari jauh mengutuk Najib tetapi masih mengunci mulut dari memberikan sokongan kepada calon-calon Pakatan Harapan.

"Apa sebenarnya yang Mahathir mahukan adalah supaya Najib turun. Tetapi itu adalah sesuatu yang mustahil melainkan jika beliau sanggup mengorbankan BN untuk dikalahkan bagi memudahkan lajuan menjatuhkan Najib," ujarnya lagi.

Dalam mengutuk Najib, Mahathir masih mengalas tang seri BN kata Ir Khairil, beliau menambah bahawa senario ini mengejutkan rakyat sebenarnya.

Sehubungan dengan itu, satu-satunya cara yang ter-

baik adalah dengan memilih PAS bersama blok ketiga untuk menolak semua politik yang caca marba.

Katanya tidak kira dari Blok Pakatan Harapan, Mahathir dan Najib-BN yang kini masing-masing cuba

Keadaan akan menjadi lebih teruk jika mereka menang nanti kerana niat mereka bertanding pun bukan untuk menjaga kebijakan rakyat.

berpolitik demi kepentingan diri mereka sendiri sehingga sanggup "membunuh" rakan mereka yang dikatakan berpikat dengan mereka.

"Nasib rakyat tidak akan

terbaik dengan corak politik sebegini. Belum apa-apa lagi mereka sudah bertengkar dan berebut kuasa sesama sendiri.

"Keadaan akan menjadi lebih teruk jika mereka menang nanti kerana niat mereka bertanding pun bukan untuk menjaga kebijakan rakyat," katanya.

Cabar Mahathir

Pemuda PAS juga mencabarkan Mahathir dan DAP supaya mereka sendiri bertanding di kedua-dua kerusi ini jika benar mereka mahu menunjukkan sesuatu kepada rakyat.

"Tak perlu lagi mendolak dalih menjadi tok dalam bermain wayang dengan menghantar calon-calon yang mereka balacikan.

"Sama ada PAS menang atau kalah dalam pilihan raya kecil ini, PAS tetap menganggap PKR sebagai rakan politik khususnya dalam Kerajaan Selangor pada masa ini," katanya.

Tidak dinafikan kata beliau, dalam keadaan sekarang Najib yang sudah nyawa-nyawa akan cukup selesa untuk bernafas.

Ini kerana blok pembangkang dan Mahathir bertubi-tubi mengasak PAS iaitu satu-satunya parti yang jelas mampu menewaskan BN di kedua-dua kerusi ini jika pertandingan satuan berlaku.

Najib tidak perlu bekerja keras untuk menang seandainya blok pembangkang terus-menerus menyerang PAS, apalagi dengan mengisyaratkan untuk turut bertanding kerana itu sekali gus akan memecahkan undi kepada PAS dan membuka peluang untuk BN menang lagi sebagaimana di Sarawak.

"Tiada apa yang ingin dibuktikan oleh PAS melalui pilihan raya ini melainkan demi kepentingan rakyat dan menewaskan BN bagi mengukuhkan blok pembangkang di Parlimen.

"Justeru, apa sahaja sikap pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan, Mahathir dan BN, PAS kekal dengan misi bekerja untuk rakyat," katanya.



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F16
Printed Size: 363.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 2,584.00 • PR value: MYR 7,752.00 • Item ID: MY0026119916

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 2

Harap pertandingan satu lawan satu



DALAM bersungguh dan penuh tekun ahli-ahli dan aktivis PAS menyusun langkah menggerakkan jentera pilihan raya bagi menghadapi Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar, Selangor, tiba-tiba terbit desas-desus mengatakan bahawa rakan kerjasama PAS iaitu PKR mahu menuntut kerusi berkenaan.

Mengikut khabarnya PKR merasakan ia lebih sesuai bertanding di Sungai Besar dalam pilihan raya kecil ini kerana dengan bertindak demikian ia akan berjaya mengelakkan sebarang pertembungan antara parti-parti pembangkang sebagaimana berlaku di dalam pilihan raya negeri Sarawak baru-baru ini yang banyak merugikan blok pembangkang.

PKR mohon PAS beri laluan agar apabila ia yang bertanding maka parti lain khasnya Pan yang duduk bersamanya dalam Pakatan Harapan tidak akan berbuat perkara yang sama lantas akan berlaku pertandingan satu lawan satu iaitu BN lawan PKR.

Atas semangat mahukan pertandingan satu lawan satu, hujah PKR itu mungkin berasas, namun realitinya percaturan politik dalam negara bukan semudah yang disangkakan. Saya percaya semangat mahukan pertandingan satu lawan satu itu turut dikongsi oleh PAS, tetapi tidaklah bermakna sehingga ia perlu mengorbankan kerusi "status quo" nya sebegitu.

Jika PKR mahu BN dihadapi satu lawan satu, PAS lebih-lebih lagi.

Tetapi sudah pastilah satu lawan satu yang dimaksudkan adalah antara PAS dan BN. PKR, rakan kerjasama PAS sepatutnya memberi laluan dan menyarankan rakannya dalam

PH agar turut berbuat perkara yang sama. Kerusi ini kerusi PAS, jangan ganggu biar PAS yang hadapi Umno-BN satu lawan satu.

Saya percaya jika yang membuat seruan itu menteri besar Selangor sendiri yang juga timbalan presiden PKR, pasti rakan-rakannya dalam PH akan akur, maka berlakulah pertandingan satu lawan satu di Sungai Besar nanti seperti yang diimpikan.

Namun demikian jika tiada persefahaman sebegini, PAS yang telah pun memutuskan di peringkat tertingginya akan meletakkan calon, besar kemungkinan akan bertembung juga dengan blok pembangkang yang akan mengakibatkan banyak undi yang sepatutnya boleh dipungut pembangkang terkorban.

Dalam hal ini jika ia berlaku PAS tidak boleh dipersalahkan kerana ia tidak pernah bersetuju menyerahkan kerusi "status quo" nya ini kepada sesiapa pun tambah lagi dalam pilihan raya kecil.

Malah sejurus diumumkan kekosongan kerusi ini oleh pihak berwajib, PAS melalui Ketua Pengarah Pilihan Rayanya antara yang terawal mengeluarkan kenyataan akan bertanding dan meletakkan calon dalam pilihan raya kecil ini.

Pilihan raya kecil yang kritikal ini bukan tempatnya bagi blok pembangkang berbalah.

Ego dan kepentingan diri perlu dikorbankan. Jika benar kita jujur mahu menundukkan BN, maka biarlah PRK Sungai Besar ini menjadi contoh pertama dan terus hidup. Hormat dan peliharalah maruah dan harga diri sesama kawan barulah nanti kita sendiri turut dihormati

orang.

Apa pun bagi PAS keputusan muktamad telah pun dibuat. PAS sudah pasti akan meletakkan calon dalam PRK ini dan diharapkan rakan-rakan pembangkang yang lain akan memberi ruang dan tidak turut turun bertanding. Jika mampu turun membantu, dipersilakan malah kalau enggan turun berbantu sekalipun, kita juga mengalu-alukan.

Cumanya jangan bertanding dan mengeruhkan apa sahaja hubungan yang tinggal antara parti-parti pembangkang.

Sementara itu PAS terus mengaturkan jenteranya bagi menghadapi PRK yang dijangka singit itu.

Hari ini sahaja semasa menulis artikel ini pada pagi hari dua program besar dianjurkan oleh PAS yang melibatkan ahli-ahlinya. Satu adalah Ijtimak PAS Negeri Selangor yang dianjurkan di Sungai Besar manakala satu lagi adalah Seminar Khas Penerangan PAS Pusat yang dianjurkan di Shah Alam.

Di Sungai Besar, dalam program Ijtimak berkenaan Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat Dato' Mustafa Ali telah turun dalam himpunan lebih 5000 ahli-ahli PAS seluruh Selangor manakala di Shah Alam wakil-wakli Penerangan negeri-negeri yang berhimpun dengan jemputan yang sepatutnya sekadar 220 orang telah menerima pendaftaran lebih 315 orang sehingga memenuhi Auditorium Muzium Shah Alam.

Seminar Khas berkenaan telah diresmikan pentupnya oleh Presiden PAS sendiri.

Bagi saya program-program seumpama ini membuktikan betapa mantap dan tersusunnya jentera PAS apatah lagi dalam bersedia menghadapi pilihan



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F16
Printed Size: 363.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 2,584.00 • PR value: MYR 7,752.00 • Item ID: MY0026119916

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com





Page 2 of 2

raya kecil yang penamaan calonnya ditetapkan 5 Mei ini.

Ahli-ahli dan aktivis PAS membuktikan bahawa PAS walaupun menghadapi pelbagai ujian sepanjang pasca Muktamar 2015 lalu terus tegak dan komited dalam perjuangan mendaulatkan Islam ini.

Istiqlamahnya ahli-ahli dan aktivis PAS selain sentiasa memelihara dan menjaga adab berjamaah meletakkan PAS disatu posisi yang sangat disegani dan dihormati khasnya oleh masyarakat kebanyakannya.

Sungai Besar akan menjadi medan pertama buat PAS setelah terputus hubungannya dengan DAP dan setelah Pan yang kononnya mahu menggantikan PAS itu dilahirkan.

Semoga parti-parti pembangkang yang lain dapat membincangkan langkah-langkah seterusnya untuk bergerak ke hadapan atau "*move forward*" dalam kita mahu menghadapi BN satu lawan satu pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

Biarlah Sungai Besar menjadi titik permulaan sama ada blok pembangkang boleh bersatu dalam kepelbagaiannya atau ia menjadi titik permulaan perbalahan dan konflik yang lebih besar.

Menyumbang dan doalah ke arah kejayaan dan kemenangan calon PAS di sana nanti. –
roslansms@gmail.com



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F17
Printed Size: 451.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 3,211.00 • PR value: MYR 9,633.00 • Item ID: MY0026119918

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 2

PAS tiada pilihan, tanding 2 PRK

Keputusan PAS untuk meletakkan calon dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Besar, tidak sepatutnya dipertikaikan oleh sesiapa hatta PKR sekali pun sebagaimana PAS tidak mempertikai PKR bertanding pada kerusi tradisinya di Selangor.



BEBERAPA hari ini saya ditanya adakah PAS akan bertanding dalam kedua-dua pilihan raya kecil berkembar Kuala Kangsar dan Sungai Besar. Bernamac-macam teori yang dikemukakan selain pujuj rayu pelbagai pihak supaya PAS tidak bertanding pada kerusi tradisi yang ditandingi oleh PAS sebelum ini.

Ramai yang keliru dengan PKR yang mendakwa mereka parti yang boleh menang di Sg Besar dalam pilihan raya kecil yang akan diadakan pada 18hb Jun 2016 nanti. Semua parti akan mendakwa mereka boleh menang hatta Parti Amanah Negara (Pan) yang belum teruji itu pun membuat dakwaan yang sama.

Saya tak berminat untuk sebut tentang Pan dulu setakat ini. Biarkan mereka dengan dakwaan dan teori-teori mereka. Ramai yang kenal siapa mereka. Mereka tak lebih dari ahli politik yang kecewa dalam PAS setelah kalah dalam pemilihan parti pada tahun lepas.

Begitu juga dengan dakwaan PKR yang mendakwa mereka boleh menang juga boleh dipertikaikan. Tak perlulah PKR nak bertukar kerusi pada masa ini kerana masa hendak tukar kerusi boleh dibuat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 nanti. Sekarang PAS dan PKR masih terikat dengan status quo yang telah dipersetujui sebelum ini.

Cuma saya minta PKR merenung sejenak kebelakang dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor pada tahun 2010

selepas PRU 12. Kerusi Hulu Selangor tersebut dimenangi oleh PKR dalam PRU 12 sebanyak 198 undi.

Ketika itu Pakatan Rakyat masih kuat dan semua pihak menyokong PKR tanpa berbelah bahagi dibantu oleh kerajaan PKR yang memimpin Selangor. Calon PKR pun bukan calang-calang orang, seorang bekas menteri Umno, Dato' Zaib Ibrahim yang meletak jawatan kerana prinsip dan menyertai PRK.

Apa yang berlaku dalam PRK tersebut, PKR bukan sahaja gagal mempertahankan kerusi tersebut, malah tewas dalam pilihan raya kecil tersebut dengan majoriti 1,725 undi. Calon BN, P. Kamalanathan mendapat 24,997 undi dan calon PKR, Zaid Ibrahim pula mendapat 23,274 undi sahaja.

Dalam satu perkembangan yang lain pada PRU12, calon PAS Mohd Sabu (sekarang presiden PAN) yang disebut-sebut sebagai calon popular PAN di Sungai Besar gagal memenangi kerusi Parlimen Kuala Terengganu dengan kekurangan 628 undi.

Bila PAS bertanding semula dalam PRK Kuala Terengganu pada tahun 2009, PAS meletakkan calon yang diterima rakyat mampu merampas kerusi parlimen tersebut dengan majoriti 2,631 undi.

Calon PAS, Mohd Abdul Wahid Endut mendapat 32,883 undi manakala calon BN, Dato' Wan Ahmad Farid mendapat 30,252 undi. Calon bebas, Azharudin Mamat pula mendapat 193 undi.

Saya sendiri pun tidak pasti sama ada PAS akan bertanding atau tidak kerana penamaan calon belum diadakan lagi. Penamaan calon bagi pilihan raya kecil berkembar itu akan diadakan pada 5hb Jun 2016

nanti.

PAS berkeras kerusi tradisi parti Sungai Besar dan Kuala Kangsar

Dalam Pakatan Harapan, parti serpihan PAS, Pan telah menyatakan hasratnya untuk bertanding di kedua-dua kerusi tersebut, atas alasan ia mempunyai hak ke atas kerusi itu yang sebelum ini ditandingi oleh PAS apabila mereka menjadi sebahagian daripada bekas gabungan Pakatan Rakyat.

Tetapi dalam masa yang sama, Timbalan Presiden PKR Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang juga menteri besar juga berminat untuk melihat PKR bertanding di Sungai Besar, Selangor kerana beranggapan mempunyai lebih peluang untuk menang.

Tetapi Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Iskandar Abdul Samad yakin PAS mempunyai peluang yang cerah pada PRK ini dengan berkata, "PAS akan bertanding di sini kerana PAS secara tradisinya bertanding

di kerusi Sungai Besar, kerusi tradisi PAS, maka keputusan parti itu untuk bertanding di situ tidak sepatutnya dipertikaikan oleh sesiapa dan kini memberi tumpuan untuk merampasnya dari BN kerana terdapat pelbagai isu tempatan dan nasional akibat dari kebobrokan pentadbiran BN."

Dalam banyak-banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin politik terutama dari kem pembangkang, saya rasa kenyataan mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib yang juga pemimpin PKR paling realistik dan berprijak di bumi yang nyata.

"Saya bersetuju PAS bertanding



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F17

Printed Size: 451.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white

Ad Value: MYR 3,211.00 • PR value: MYR 9,633.00 • Item ID: MY0026119918

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssn.gov.my



Page 2 of 2

di kerusi parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Pembangkang harus tunjukkan komitmen berpadu jika mahu mengambil alih Putrajaya pada PRU14 nanti. Bertanding untuk tewas bukanlah pilihan yang bijak" dimuat naik dalam facebook beliau pada 12hb Mei 2016 yang lepas.

Tan Sri Muhammad dilihat terus konsisten dengan pendirian awalnya bila seminggu lepas itu, pada 19hb Mei, 2016 sekali lagi beliau memuat naik pandangan beliau dalam Facebook, "kalau saya memutuskan siapa nak bertanding di Pilihan Raya Kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar, saya akan pilih PAS. Soal dia dilihat berbaik-baik dengan Umno sama lah seperti PH dilihat berbaik-baik dengan Tun Mahathir"

Walaupun diserang kiri dan

kanan dalam dalam dunia maya, beliau bertegas, "mengapa di satu pihak kita boleh berbaik-baik dengan Tun Mahathir dan di satu pihak tidak mahu sokong menyokong dengan PAS dalam pilihan raya kecil ini? Biasanya dalam pilihan raya kecil, '*incumbent*' akan bertanding" katanya dalam facebook beliau pada 19hb mei, 2016 tersebut.

Keputusan PAS untuk meletakkan calon dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Besar, tidak sepertutnya dipertikaikan oleh sesiapa hatta PKR sekali pun sebagaimana PAS tidak mempertikai PKR bertanding pada kerusi tradisinya di Selangor.

Apatah lagi dalam keadaan PAS akan adakan muktamar ke-62 pada 1-3hb Jun, 2016 (dipercepatkan sehari dari asal

yang akan berakhir pada 4 Jun) di Kota Bharu kerana penamaan calon PRK berkembar berkenaan pada 5 Jun, 2016.

Beberapa pemimpin tertinggi PAS termasuk presiden parti Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang baru-baru ini konsisten dalam kenyataan mereka bahawa parti itu akan meneruskan keputusannya untuk meletakkan calonnya dalam dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Setakat ini saya tak nampak ada pemimpin PAS yang sanggup "membunuh" karier politik mereka dalam PAS dengan mengambil sikap U-turn dengan keputusan yang dah diputuskan untuk bertanding dan sanggup berhadapan dengan ahli dalam muktamar yang diadakan untuk digelar pengkhianat parti sendiri.



27 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N28
Printed Size: 144.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 1,201.00 • PR value: MYR 3,603.00 • Item ID: MY0026125219

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 1

Resolusi Ijtimak PAS Selangor

BAHAWA dengan ini, kami peserta Ijtimak PAS negeri Selangor 2016 pada hari ini 15 Syaaban 1436H bersamaan 22 Mei 2016.

Menyedari bahawa krisis demi krisis politik melanda di negeri Selangor yang sekaligus menggambarkan ahli PAS perlu mengukuhkan akidah dan perjuangan PAS dan taat kepada kepimpinan PAS sama ada senang atau susah, menang atau kalah.

● Kekuatan PAS Selangor harus digembeling sebesar-besarnya sehingga ke peringkat akar umbi dengan iltizam untuk melaksanakan seperti berikut;

● PAS Selangor bertegas akan terus Istiqamah mengucurkan calon dan bertanding pada PRK P093 Sungai Besar

● PAS Selangor tidak akan tunduk kepada tekanan dari mana-mana pihak sebaliknya PAS Selangor membujur lalu melintang patah.

● Jentera Pilihan Raya PAS Selangor akan bekerja keras memenangkan kerusi Parlimen Sungai Besar dalam pilihan raya kecil akan datang.

● Kerahan jentera pilihan raya PAS Selangor untuk turun pada hari penamaan calon bagi memberi sokongan sepenuhnya pada PRK ini.

● PAS Selangor akan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan menguatamkan disiplin jenera sebagai faktor kritis dalam menghadapi lawan.

● Semua jentera akan turun berkempen lebih awal bagi memenangi hati pengundi dengan elemen RISIK, PAKAT dan IKAT bagi memastikan operasi dan gerakerja pilihan raya dilaksanakan secara menyeluruh disemua UPU di Parlimen Sungai Besar.

● Mematuhi dan walak dengan segala arahan semasa gerak kerja pilihan raya bagi memastikan ke arah kemenangan PAS di pilihan raya kecil P093 Sungai Besar.

Pengarah Pilihan Raya PAS Selangor, Mohd Haslin Hassan membacakan resolusi tersebut di hadapan lebih 1,996 orang ahli PAS Selangor.

"Kami pandang serius kesalahan membuang sampah secara haram di tempat yang tidak sepatutnya kerana ia mencemarkan dan menyumbang pembiakan nyamuk Aedes

Mohd Azhar Mohamed Ali

27-05-2016

metroplus

5

HARIAN METRO

Lupus sampah waktu solat Jumaat

■ MDKL siti tiga lori 10 tan ketika cuba lolos diri selepas taktik buang secara haram dikesan

Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@
hmetro.com.my

Banting

T aktil melupuskan sampah secara haram pada waktu solat Jumat ditumpaskan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) selepas mereka menyita tiga lori 10 tan di Bandar Saujana Putra, di sini, baru-baru ini.

Pemandu lori yang ditahan ketika cuba meloloskan diri itu dikenakan Notis Kompaun Kesalahan di bawah Undang-undang Kecil 4, Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MDKL 2007).

Yang Dipertua MDKL Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, kenderaan yang digunakan untuk melupuskan sampah secara haram itu disita Bahagian Pengurusan dan Keselamatan MDKL.

"MDKL memandang serius terhadap kesalahan membuat atau melupuskan sampah secara haram di tempat yang tidak sepatutnya kerana ia bukan saja mencemarkan pemandangan persekitaran, namun menyumbang kepada pembiakan nyamuk Aedes.

FAKTA
MDKL tubuh
jawatankuasa
Tindakan Sampah
Haram peringkat
PBT dan daerah

"Kami menggerakkan Jawatankuasa Tindakan Sampah Haram di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan daerah bagi membincangkan tindakan serta kerjasama jabatan dan agensi daerah.

"Ia termasuk aspek aktiviti penguatkuasaan, ope-



ANTARA lori yang disita MDKL dan gambar kecil, kawasan yang dijadikan tempat pembuangan sampah haram di Bandar Saujana Putra.

TONG KONG

Panasshop



27 May 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 65 • Printed Size: 56.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,292.31
PR value: MYR 3,876.93 • Item ID: MY0026125968

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MBSA kutip 12,955kg bahan buangan elektrik

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya mengutip sebanyak 12,955 kilogram bahan buangan elektrik (E-Waste) sejak program pengutipan, pengasingan dan pengangkutan mula dilaksanakan pada 2013 hingga awal tahun ini.

Sehubungan itu, bagi memperkasakan lagi sistem berkenaan, MBSA

dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Selangor mengadakan Majlis Pelancaran Program E-Waste Alam Alliance Peringkat Selangor.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Shukri Mohamad Hamin berkata,

program berkenaan bertujuan bagi membangunkan sistem pengutipan, pengasingan dan pengangkutan buangan E-Waste daripada isi rumah di negeri ini secara berpusat serta meningkatkan kesedaran orang awam tanggungjawab terhadap pembuangannya dengan betul dan sistematik.



27 May 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Ayusliza Azizan • Section: Setempat • Page: 68 • Printed Size: 269.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,596.97
PR value: MYR 31,790.91 • Item ID: MY0026126048

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahs@nsogov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Ejen zakat tipu

■ **Orang ramai dinasihat bayar kepada individu bertauliahan**

Ayusliza Azizan
am@hmetro.com.my

Klang

Orang awam dinasihatkan supaya berhati-hati dengan individu atau pertubuhan yang menjalankan aktiviti kutipan zakat di negeri ini tanpa mendapat kebenaran dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Sehubungan itu, MAIS melantik Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai amil dan pentadbir bagi menguruskan semua perkara berkaitan kutipan dan agihan zakat di Selangor berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Selangor) 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Hussin Mohd Ali berkata, ia bagi menyelaraskan aktiviti kutipan dan agihan



ANTARA penerima bantuan zakat di Majlis Bandar Diraja Klang.

zakat dan LZS melantik 13 penolong amil institusi pengajian tinggi, 2,569 penolong amil fitrah, enam penolong amil institusi pendidikan Islam, 63 penolong amil padi, 16 ejen syarikat, 30 ejen firma dan perusahaan, 19 ejen bank dan pejabat pos.

"Zakat Selangor sentiasa mengemas kini maklumat berkenaan ejen dan penolong

amil dari semasa ke semasa di laman sesawang Zakat Selangor, <http://www.zakatselangor.com.my>.

"Manakala penolong amil fitrah dan padi boleh dikenal pasti melalui surat pelantikan dan kad tauliah sah yang dikeluarkan LZS.

"Oleh yang demikian, mana-mana individu atau pertubuhan yang didapati melakukan kesalahan itu

boleh didakwa mengikut Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah Negeri 1995.

"Mereka yang disabitkan kesalahan mengikut peruntukan ini boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam sidang media selepas majlis penyerahan wang zakat kepada 794 orang penerima dalam kangan asnaf fakir dan miskin di daerah ini di Masjid Bandar Diraja Klang, di sini, semalam. Bantuan disampaikan Orang Besar Daerah Klang Datuk Setia Diraja Datuk Abdul Ghani Pateh.

Hussin berkata, orang ramai disarankan untuk melaporkan sebarang aktiviti pungutan zakat oleh individu yang tidak dilantik atau diberi kuasa oleh MAIS atau Zakat Selangor.

27-05-2016



"Zakat Selangor sentiasa mengemas kini maklumat berkenaan ejen dan penolong amil di laman sesawang Zakat Selangor, <http://www.zakat selangor.com.my>."

Hussin



27 May 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Muhaamad Hafis Nawawi • Section: Setempat • Page: 43
Printed Size: 168.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 3,876.92 • PR value: MYR 11,630.76 • Item ID: MY0026125881

sisentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohsangor@gmail.com

Page 1 of 1

>>UMNO alu-alu Pakatan Harapan dan PAS bertanding di Kuala Kangsar dan Sungai Besar

SUSULAN PRK KUALA KANGSAR, SUNGAI BESAR

Beri kelebihan

■ Pertandingan tiga penjuru seakan-akan hulur BN ‘nyawa’

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Ahli Majlis Tertinggi UMNO Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman mengalukan-alukan Pakatan Harapan dan PAS jika ingin bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Parlimen Sungai Besar, Selangor kerana mampu memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, tindakan mereka yang masih berbalah dan berpecah berkaitan isu meletakkan calon pada PRK kali ini tidak menjadi

masalah kepada BN.

“Kami mengalau-alukan, lagi banyak yang mahu bertanding dalam kalangan pembangkang iaitu tiga lawan satu misalnya tidak menjadi masalah kerana memberi kelebihan kepada kami (BN).

“Biarlah mereka bergaduh sesama sendiri. Mereka ini (pembangkang) tidak ada agenda yang satu. Dulu Pakatan Rakyat sekarang Pakatan Harapan, namun apa yang dilihat mereka berpakaat bukan untuk satu agenda, kepentingan rakyat

dan negara, tetapi untuk kepentingan sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Hari Pendang, Penternak dan Ne-

layan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2016 di Taman Jubli Emas, Jalan Suka Mennanti, di sini, semalam.

Tajuddin yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak berkata, para

katan seperti itu tidak boleh bertahan lama dan berpecah.

“Apa yang saya nampak pakatan (pembangkang) ini adalah pakatan jahat kerana

masing-masing mempunyai agenda dan matlamat berlainan. Sebab itu sebelum ini dalam Pakatan Rakyat, mereka tidak bertahan lama dan berpecah,” katanya.

Naib Presiden PAS Datuk Mohd Amar Nik Amar, kelmarin menyifatkan pertandingan tiga penjuru dijangka berlaku pada PRK Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar seakan-akan memberi ‘nyawa’ kepada BN.

Pertikaian itu tercusus apabila PAS tetap bertegas mahu bertanding di kedua-dua kawasan Parlimen berkenaan menyebabkan Parti Amanah Negara dari Pakatan Harapan turut ingin bertanding pada PRK terabit.





27 May 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 44 • Printed Size: 103.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,057.58
PR value: MYR 12,172.74 • Item ID: MY0026125918

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotline@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

'Satu lawan satu, peluang lebih baik'

Shah Alam: PAS akan menggunakan pendekatan khidmat dan tanggungjawab kepada rakyat bagi mendekati pengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar 18 Jun ini.

Timbalan Pesuruhjayaanya Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau turut yakin soal sensitif termasuk isu hudud tidak akan dibangkitkan pihak lawan ketika tempoh berkempen kelak.

Beliau juga mengakui peluang Barisan Nasional (BN) untuk memenangi PRK berkenaan pada 18 Jun ini lebih cerah sekiranya berlaku pertembungan tiga penjuru.

Katanya, BN hanya akan diberikan tentangan sengit sekiranya hanya PAS bertanding pada PRK berkenaan.

"Kalau satu lawan satu, peluang lebih baik, tetapi kalau tiga penjuru, saya ingat peluang pada BN lebih tinggi.

"Calon PAS akan diumumkan esok (hari ini), sudah ada beberapa nama di peringkat Pusat yang sudah melalui tapisan Majlis Syura PAS," katanya ketika ditemui selepas Majlis Muzakarah Pendaftar Perkahwinan Selangor, semalam.

Beliau mengulas peluang PAS untuk memenangi kerusi terba-

bit selepas Parti Amanah Negara (PAN) tetap dengan pendiriannya untuk bertanding pada PRK berkenaan.



DR. Ahmad Yunus

Pemuda UMNO sudah lama bersedia

➡ Tak gentar saingen pembangkang, yakin tarik pengundi muda

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Norrasyidah Arshad
bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Pemuda UMNO Selangor yakni dapat menawan hati kira-kira 18,000 pengundi muda di bawah umur 40 tahun pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar.

Ketuaanya, Zainuri Zakaria, berkenan ikerana gerak kerja untuk menarik golongan itu sudah dijalankan sejak tiga tahun lalu.

Malah, beliau yakin BN bukan sahaja akan menang dengan cemerlang pada PRK ini, tetapi juga pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Pemuda Selangor tidak gentar dengan saingen pembangkang kerana sepanjang gerak kerja selepas berakhirnya PRU lalu, segala aktiviti yang dijalankan sering mendapat sambutan ramai.

"Kami juga tidak terkejut dengan

PRK ini dan tidak berasa kelam-kabut kerana persediaan sudah lama dibuat. Persediaan yang digunakan kali ini sebenarnya adalah untuk PRU akan datang," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Zainuri berkata, antara program yang akan dilaksanakan sebaik kempen berlula ialah festival kerjaya dan perlawanan bola sepak, selain mengadakan perjumpaan dari hati ke hati dengan orang muda.

Cabar bukti kesetiaan
Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan mencabar Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir turun berkempen pada PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar bagi memenangkan calon BN dengan majoriti lebih besar sebagai membuktikan kesetiaan mereka kepada parti.

Katanya, sudah tiba masa bagi dua pemimpin itu membuang ego

Fakta nombor

18,000
PENGUNDI

muda bawah umur 40 tahun

dan perasaan dendam, sebaliknya sama-sama bergandingan dengan saf kepemimpinan parti di kedua-dua PRK terbitan.

Beliau berkata, ketika pembangkang bertelahah dan bercakaran, UMNO seharusnya memumpukan usaha memperkuatkan parti.

Kembalikan perpaduan

"PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar medan terbaik untuk mengembalikan perpaduan UMNO. Ketepikan soal peribadi, perjuangan parti harus dijunung dan jadikan keutamaan," katanya.

